



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN MENTERI KPKM PERKUKUH AGENDA PEMBANGUNAN AGROMAKANAN JOHOR

ISKANDAR PUTERI, 15 MEI 2026 — YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, telah mengadakan sesi kunjungan hormat kepada YB Dato' Zahari Sarip, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor di Kota Iskandar pada 14 Mei 2026.

Sesi kunjungan hormat tersebut bertujuan memperkukuhkan hubungan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor, di samping membincangkan langkah-langkah strategik bagi memperkasakan pembangunan sektor pertanian dan agromakanan di negeri ini.

Dalam pertemuan tersebut, YB Datuk Chan Foong Hin turut merakamkan penghargaan terhadap peranan penting Johor sebagai antara peneraju utama sektor agromakanan negara. Johor bukan sahaja dikenali sebagai "*Food Basket of Malaysia*", malah turut memainkan peranan signifikan sebagai hab bekalan makanan kepada pasaran serantau dan antarabangsa.

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, Johor merekodkan nilai jualan sektor pertanian tertinggi negara iaitu sebanyak RM27.52 bilion, bersamaan 16.9 peratus daripada keseluruhan nilai jualan pertanian Malaysia. Johor turut mencatatkan pendapatan tertinggi sektor pertanian negara dengan nilai sebanyak RM30.15 bilion, sekali gus membuktikan kekuatan dan daya tahan sektor agromakanan negeri tersebut.

Kementerian juga menzahirkan penghargaan atas komitmen Kerajaan Negeri Johor dalam memastikan pelaksanaan projek pembangunan pertanian berjalan lancar. Johor mengekalkan rekod cemerlang apabila semua projek di bawah peruntukan Persekutuan berjaya disiapkan sepenuhnya, melibatkan 16 projek bernilai RM20.71 juta pada tahun 2024 serta 22 projek bernilai RM26.45 juta pada tahun 2025.

Bagi tahun 2026 di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), Johor turut menerima kelulusan peruntukan sebanyak RM32.12 juta menerusi Program Pemerksaan Agromakanan Negara (PPAN), melibatkan pelaksanaan 27 projek pembangunan sektor agromakanan.

YB Datuk Chan Foong Hin turut menyambut baik langkah proaktif Kerajaan Negeri Johor yang telah mewartakan kawasan seluas 2,000 hektar di Segamat sebagai Zon Keterjaminan Makanan. Inisiatif tersebut dilihat sebagai langkah penting dalam memastikan bekalan makanan, khususnya hasil pertanian dan ternakan, terus mencukupi serta mampan bagi memenuhi keperluan rakyat dan industri.

Selain itu, pertemuan tersebut turut menyentuh beberapa perkara berkaitan pembangunan industri ternakan, khususnya aspek pelaksanaan Kebenaran Merancang (KM) bagi memastikan kelangsungan dan pertumbuhan sektor penternakan di Johor dapat diperkukuhkan secara mampan.

Sehubungan itu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berharap agar kerjasama erat antara semua pihak berkepentingan dapat terus diperkasakan, termasuk dalam usaha memperkemas dan menyelaras pelaksanaan berkaitan KM demi memudahkan urusan industri, tanpa menjejaskan aspek pematuhan serta kesejahteraan komuniti setempat.

YB Datuk Chan Foong Hin turut menghargai keterbukaan dan komitmen Kerajaan Negeri Johor dalam meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan secara konstruktif dan berhemah demi kepentingan bersama sektor agromakanan negara.

Selepas sesi pertemuan tersebut, delegasi KPKM meneruskan lawatan kerja ke Jemaluang Dairy Farm di Mersing bagi meninjau potensi pembangunan industri tenusu tempatan. Lawatan tersebut turut disertai wakil daripada Bahagian Sekuriti Makanan KPKM, Bahagian Pembangunan KPKM serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya dan Johor.

KPKM berharap usaha berterusan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pemain industri akan terus memperkukuhkan kedudukan Johor sebagai antara penyumbang utama sektor agromakanan dan industri tenusu negara pada masa hadapan.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



The banner features the following elements from left to right: the Malaysian coat of arms and the text 'KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN'; the 'MAHA 2026' logo with the tagline 'Malaysia Agriculture, Horticulture & Agribusiness Show'; the event dates '28 OGOS – 6 SEPT. 2026' and time '10.00 PAGI – 10.00 MALAM' at 'MAEPS SERDANG, SELANGOR'; the 'MAHA 2026' logo with the tagline 'FOR FOOD SECURITY'; and social media handles for @kpkmmalaysia and @mahaofficialmy, along with the website mahaofficial.com.my.